HARI : TARIKH :

SILA SALIN NOTA DI BAWAH DI DALAM BUKU NOTA

**5.4** **Bentuk Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah**

| Aspek pentadbiran Barat | Di Sarawak | Di Sabah |
|---|---|---|
| Pembahagian wilayah  | • Dibahagikan kepada **bahagian, daerah** dan **kampung**<br>• **Sempadan kawasan** asas kekuasaan Dinasti Brooke<br>• Terdiri daripada **lima bahagian**, contohnya, bahagian pertama, kedua, ketiga, keempat dan kelima | • Dibahagikan kepada **lima Residensi**<br>• Contohnya, Residensi Tawau/ Kudat/ Pantai Timur/ Pantai Barat/ Pedalaman<br>• Diketuai **Residen**<br>• Daerah diketuai **Pegawai Daerah** |
| Pengekalan pembesar tempatan  Pembesar tempatan | • Penglibatan atas dasar **amanah**<br>• Mengisi **kekurangan** pegawai Eropah<br>• Contoh, **Datu Patinggi**/ Datu Bandar/ Datu Temenggung/ Datu Imam/ Datu Hakim<br>• Diberi **gaji** dan tidak dibenarkan mengutip cukai<br>• **Undang-undang** adat dan tempatan yang tidak bercanggah dikekalkan | • Bagi menjamin **kecekapan** pentadbiran<br>• **Ketua Anak Negeri** diakui dan tidak diakui<br>• **Institusi peribumi dikekalkan** – Ketua Anak Negeri, Ketua Kampung dan Mahkamah Anak Negeri<br>• Ketua Anak Negeri yang sah diberi **gaji** berperanan memelihara keamanan dan peraturan, mengutip cukai kepala dan mentadbir keadilan, menjadi hakim dan membantu majistret |
| Pentadbiran berhierarki  | • **Raja** mengetuai pentadbiran, dibantu Majlis Tertinggi dan Majlis Negeri<br>• **Residen** mengetuai pentadbiran bahagian seperti Kuching/ Simanggang/ Sibu/ Marudi/ Lawas<br>• **Pegawai Daerah** mengetuai daerah | • Diketuai oleh **Gabenor** yang bertanggungjawab kepada lembaga pengarah syarikat di London<br>• **Majlis Penasihat** menasihati Gabenor |
| Pentadbiran berasaskan kaum  | • Dinasti Brooke mengamalkan **sistem pecah dan perintah**<br>• Masyarakat **dikelompokkan**, orang **Melayu** pentadbiran, orang **Cina** ekonomi dan orang **Iban** keselamatan dan ketenteraan<br>• Ketua masyarakat Iban ialah **Temenggung**<br>• Ketua masyarakat Cina ialah **Kapitan dan Kangcu** | • Pentadbiran berasaskan **peribumi**<br>• Pentadbir dikenali sebagai **Penolong Pegawai Daerah**<br>• Dipilih berdasarkan **personaliti** dan **kepakaran** |
| Perundangan  | • **Undang-undang lapan perkara** diperkenalkan<br>• **Mahkamah** diadili oleh raja, dibantu oleh Ketua Majistret<br>• **Mahkamah Cina** di Kuching<br>• **Mahkamah Adat** mengadili masyarakat tempatan | • Menggunakan undang-undang **Barat** dan **tempatan**<br>• **Mahkamah Majistret** menggunakan undang-undang Barat<br>• Mahkamah Majistret diadili oleh **Pegawai Daerah**<br>• Mahkamah Anak Negeri diadili oleh **Ketua Anak Negeri** |

Scanned with CamScanner

LIVEWORKSHEETS